

**05/06/2015 - Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik
2015**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim Seman
Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD)

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian;

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri;

Barisan Exco PPTD;

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan; serta

Semua ahli PPTD yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat kurnia dan keizinan-Nya, **Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) 2015** dapat diadakan pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada

PPTD kerana memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung PPTD pada kali ini.

2. Sebagai seorang pegawai PTB, saya sangat gembira hari ini dapat berjumpa dengan rakan-rakan PTB untuk bertanyakan khabar dan berkenalan dengan ahli-ahli semua. Saya berharap mesyuarat kita pada hari ini dapat dijadikan **satu wadah bagi kita berinteraksi** di antara pegawai-pegawai PTB. Di forum seperti inilah kita mempereratkan silaturrahim, berkongsi masalah dan penyelesaian, dan lebih penting daripada itu, **berkongsi aspirasi dan harapan** untuk PTB dan PPTD.
3. Menyusuri sejarah, PPTD telah didaftarkan pada 13 Januari 1950. Pada masa itu, pendaftaran telah dibuat atas nama **'Malaya Civil Service Association'**. Kini, usia PPTD telahpun menjangkau 65 tahun. PPTD terus bergerak maju dan progresif sebagai sebuah persatuan yang **dinamik dan mantap**. Kejayaan ini dicapai hasil daripada **sumbangan tenaga dan pemikiran pemimpin-pemimpin masa lalu dan masa kini**, di samping kerjasama erat yang ditunjukkan oleh ahli-ahli PPTD. *Bonding* ini wajar diperkukuh dan dihidup-suburkan.
4. Semasa **Majlis Program Wacana Kepimpinan Perdana: PPTD Bersama YAB Perdana Menteri** pada 17 Disember 2014 yang lalu, Kerajaan telah meluluskan tapak untuk **pembangunan Rumah Kelab PPTD di Putrajaya**. Tahniah kepada Presiden dan barisan kepimpinan Exco PPTD serta seluruh ahli PPTD. Saya berharap Rumah Kelab PPTD akan menjadi realiti dan beroperasi dalam tempoh lima (5) tahun yang mendatang.

Rancangan Malaysia Ke-11

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Izinkan saya menyebut sedikit tentang **agenda pembangunan Negara** yang menjadi *bread and butter* kepada pegawai PTB. Pada 21 Mei yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah

membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang bertemakan **'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat'**,

6. Berada pada **selekeh dan fasa terakhir** sebelum mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, saya perlu mengingatkan saudara-saudari sekalian terhadap **Enam (6) Strategi Tumpuan** yang mendasari RMK-11 iaitu:

Pertama : Inklusiviti;
Kedua : Kesejahteraan Rakyat;
Ketiga : Modal Insan;
Keempat : Pertumbuhan Hijau;
Kelima : Infrastruktur; dan
Keenam : Inovasi dan Produktiviti.

7. RMK-11 adalah unik dari segi fokusnya kepada **pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal**. Ekonomi berteraskan rakyat atau **'people economy' adalah penting** kerana dalam keghairahan kita untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi dan kekayaan negara perlu diagihkan untuk dinikmati oleh rakyat menerusi sumber kewangan secara langsung atau penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien *'People economy'* ini juga memastikan inklusiviti setiap lapisan masyarakat dalam arus pembangunan negara.

Falsafah Kerajaan untuk RMK-11

8. Pada hari Isnin yang lepas semasa dalam perhimpunan JPM, YAB Perdana Menteri juga telah menggariskan **lima falsafah Kerajaan untuk RMK-11**. Lima falsafah tersebut adalah Kerajaan yang:
- i. pro-pertumbuhan;
 - ii. pro-rakyat;
 - iii. pro-perniagaan;
 - iv. mesra alam sekitar; dan

- v. menekankan proses pembinaan negara.
9. Falsafah pro-rakyat adalah satu perkara yang saya perlu saya tekankan di sini. Falsafah ini merupakan **pendekatan yang memacu 'people economy'**. Sebagai pegawai PTD, falsafah ini perlu menjadi tunjang dalam merangka dasar-dasar kerajaan serta pelaksanaan program-program yang telah dirancang.

PENGURUSAN BAKAT

Hadirin hadirat sekalian,

10. Bukanlah niat saya untuk mengupas keseluruhan intipati RMK-11 pada hari ini. Namun, saya ingin menarik perhatian hadirin semua kepada kandungan Bab 9 iaitu **'Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti.'** RMK-11 telah menggariskan bahawa tranformasi perkhidmatan awam adalah penting bagi menyokong pelaksanaan teras-teras strategik dan pemacu-pemacu perubahan.
11. Saya ingin menyentuh tentang **inisiatif pengukuhan pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam** di mana saya yakin PPTD dapat memainkan peranan yang berkesan. Di sini, saya ingin mengingatkan semua tentang salah satu objektif PPTD iaitu **'Meluaskan pengalaman dan pengetahuan serta meninggikan kebolehan ahli-ahli dalam menjalankan tugas mereka.'** Objektif ini sangat relevan dengan pengukuhan pengurusan bakat atau *'talent management'* di dalam perkhidmatan awam.
12. Keunikan PPTD adalah ia merupakan satu forum yang melibatkan ahli-ahli yang baru menyertai perkhidmatan awam sehinggalah mereka yang telah berkhidmat selama hampir 36 tahun, seperti saya. Dalam satu suasana yang *informal* seperti di dalam persatuan, ahli-ahli seharusnya mengambil peluang untuk **bertukar-tukar pengalaman dan idea untuk dimanfaatkan dalam kerja kita seharian.**
13. Di sini, saya yakin PPTD dapat **menyumbang dan menjadi pelengkap kepada usaha-usaha** yang dijalankan oleh JPA dan Kementerian-Kementerian untuk memastikan

pengurusan bakat dapat menampung keperluan perkhidmatan awam. Saya pernah menyatakan sebelum ini bahawa PPTD juga bertindak sebagai 'training ground' dan platform pembelajaran yang baik untuk rakan-rakan PTD Muda.

PENGLIBATAN PEGAWAI MUDA

14. Bergerak ke hadapan, saya berharap PPTD akan memberikan lebih banyak peluang kepada pegawai-pegawai muda untuk menjawat jawatan-jawatan penting di dalam persatuan. Ini adalah supaya PPTD dapat dijadikan sebagai inkubator bagi menggilap bakat-bakat muda selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengukuhkan bakat dalam sektor awam.
15. Dalam ruang lingkup persatuan, kita boleh menggalakkan penglibatan bakat-bakat muda untuk menyumbang idea dan kreativiti untuk terus memajukan PPTD dan sektor awam secara amnya.
16. Peranan pegawai senior juga amat penting di dalam PPTD bagi memberikan tunjuk ajar dan bertindak sebagai mentor kepada pegawai-pegawai muda. Dengan kerjasama yang erat di antara yang senior dan junior, saya yakin skim PTD akan terus maju dalam menggalas cabaran bagi membina Negara.

KOLABORASI STRATEGIK

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Saya gembira kerana PPTD sentiasa membuka pintu seluas-luasnya bekerjasama dengan persatuan lain seperti Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA). Baru-baru ini pada 21 Mac 2015, PPTD dan PUSPANITA telah menganjurkan Pertandingan Boling Piala KSN.

18. PPTD juga bersama-sama Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjalin muafakat melalui penganjuran **Sukan Empat Penjuru (SUKEP)**. Penyatuan pelbagai skim perkhidmatan yang digerakkan oleh persatuan melalui aktiviti rekreasi dan riadah dapat **memupuk dan mengeratkan hubungan baik** di samping meningkatkan persefahaman di kalangan ahli.

PPTD PRIHATIN, PPTD MERENTAS BENUA

19. Pada Disember 2014, Malaysia dikejutkan dengan ujian banjir besar yang melanda beberapa negeri seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Saya bersyukur, PPTD prihatin dengan pantas bertindak dengan **menghantar misi bantuan dan menyalurkan sumbangan** kepada mangsa yang terlibat dan terjejas akibat banjir.

20. Melalui pelaksanaan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), PPTD telah bersama-sama dengan pelbagai Kementerian, pentadbiran Negeri dan Agensi **menggembleng tenaga dan bekerjasama membantu mangsa**. Saya turut sempat bersama-sama dalam Misi Bantuan PPTD ini di Temerloh dan Pekan, Pahang; Kemaman, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan. Usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mangsa pada waktu mereka amat memerlukan bantuan.

21. Bagi ahli PPTD Muda, mereka mempunyai cara tersendiri dalam **mengibarkan panji PPTD**. Mereka lebih *adventurous*. Pada Oktober 2014, Kembara CSR PPTD TransBorneo telah berjaya menjelajahi Kuching, Sarawak – Pontianak, Indonesia – Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam – dan berakhir di Kota Kinabalu, Sabah sejauh 805 kilometer. Dalam kembara ini, mereka telah membawa **mesej keamanan dan kedamaian**. Di samping itu, misi ini juga memberikan **khidmat tenaga dan menyampaikan sumbangan** kepada yang memerlukan.

22. Sepanjang tahun lalu, saya telah melihat **pelbagai inisiatif dan aktiviti-aktiviti positif seperti ini yang telah dijalankan oleh PPTD**. Di sini, saya ingin **merakamkan ucapan syabas kepada Presiden dan barisan Exco PPTD** di atas usaha-usaha yang telah dijalankan. Semoga aktiviti-aktiviti ini dapat diteruskan lagi dengan jayanya pada tahun ini.
23. Saya difahamkan bahawa tema pada hari ini adalah "**Persatuan Kita, Tanggungjawab Kita**." Saya amat bersetuju dengan ungkapan ini kerana **kejayaan PPTD merupakan kejayaan bagi skim perkhidmatan kita**. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan perkhidmatan dan persatuan kita terus cemerlang bagi menangani segala cabaran yang timbul.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

24. Cabaran masakini memerlukan idea dan pendekatan yang baru. **Pemikiran 'out of the box' dan pendekatan Strategi Lautan Biru** yang mencabar pemikiran tradisional semakin dilaksanakan secara meluas. Dalam hal ini, saya teringat kepada Sir Michael Barber, yang telah mengetuai transformasi perkhidmatan awam Britain ketika pemerintahan Tony Blair yang menyatakan, "**You can mandate mediocrity, but you must unleash greatness.**"
25. Dengan itu, sebagai pegawai PTD kita seharusnya **sentiasa memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan** bagi menghadapi cabaran masakini. Kegagalan PTD untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan permintaan sekeliling akan menyebabkan kita **ketinggalan dan tidak lagi relevan kepada perkhidmatan awam**.
26. Saya doakan agar perkara ini tidak akan berlaku. Saya yakin ahli-ahli PPTD akan terus **memajukan diri bagi menggalas tanggungjawab** untuk membina Negara. Marilah

kita **bersatu dan tolong-menolong di antara kita** bagi memartabatkan perkhidmatan ini agar terus kekal relevan dan cemerlang di masa hadapan.

27. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua ahli PPTD yang sentiasa **mendokong kepimpinan dan terbukti dengan taat setianya** kepada Perkhidmatan Awam. Terima kasih di atas perkhidmatan yang telah diberikan dengan penuh cemerlang.

28. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan **terima kasih kepada PPTD** kerana telah menjemput saya merasmikan persidangan tahunan ini. Dengan lafaz kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Tahun 2015**. Selamat bersidang.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2016>